

27/01/2002

Kerenah pendatang

Zainuddin Ayip; Fazli Abdullah

BUKAN sekali dua, malah sudah banyak kali pendatang asing membuat kacau di negara ini. Mereka yang mulanya mencari rezeki di negara ini, terjebak dalam pelbagai kerenah termasuk melakukan jenayah.

Kejadian terbaru membabitkan warga Indonesia merusuh di sebuah kilang di Nilai, Negeri Sembilan dan bergaduh sesama sendiri di Dengkil, Selangor adalah fenomena yang perlu ditangani segera agar tidak berjangkit hingga menjadi barah dan ketakutan kepada masyarakat tempatan.

Tindakan kira-kira 80 pekerja Indonesia menyamun dan membakar sejumlah premis yang dikuasai peniaga Acheh di Kampung Limau Manis, Dengkil, Isnin lalu menggambarkan sesama mereka juga tidak sehati sejiwa.

Bagaimanapun, rusuhan di asrama kilang Hualon di kawasan perindustrian Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini, membabitkan kira-kira 500 pekerja Indonesia gara-gara tindakan polis menahan 16 rakan mereka yang disyaki menagih dadah, adalah sesuatu di luar dugaan.

Jika rakyat Malaysia boleh menerima tindakan pihak berkuasa menahan sanak saudara dan rakan mereka kerana terbabit dalam penagihan dadah, tindakan pekerja Indonesia itu sudah keterlaluan, apatah lagi mereka hanya pendatang yang menumpang teduh di negera orang.

Walaupun ramai pekerja asing berperangai baik dan berdisiplin ketika mencari rezeki di negara ini, namun sikap segelintir rakan mereka boleh diibaratkan seekor kerbau membawa lumpur, semuanya turut terpalit..."

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, ketika diminta mengulas insiden berkenaan, berkata: "Pekerja asing sepatutnya masuk kandang kerbau menguak, masuk kandang kambing mengembik."

Tindakan sesetengah mereka memang keterlaluan. Bukan saja mengamuk dan merusuh, malah banyak kes pekerja asing terutama warga Indonesia, Bangladesh, Filipina dan Myanmar melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang, agama dan budaya. Ini termasuk membunuh, merompak, menculik, kaki pukul, merogol dan terjebak dalam kancah maksiat.

Sejak beberapa tahun kebelakangan itu, beberapa siri rusuhan membabitkan rakyat Indonesia berlaku dalam depot tahanan di seluruh negara yang menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian berjuta ringgit kemusnahan bangunan dan membina semula bangunan baru.

Insiden paling buruk pernah berlaku pada 26 Mac 1998 apabila seorang anggota polis dan lapan pendatang tanpa izin terbunuh manakala berpuluh lagi anggota keselamatan cedera apabila warga Indonesia merusuh di Depot Tahanan Imigresen di Semenyih.

Rusuhan yang menyebabkan sebahagian besar depot itu musnah, berpunca daripada tindakan pendatang menentang keputusan untuk menghantar mereka pulang. Pada hari yang sama, rusuhan juga berlaku di Depot Tahanan Lenggeng, Negeri Sembilan dan Machap Umboo, Melaka.

Pada 28 Mac 2000, kira-kira 1,500 tahanan terutama warga Indonesia juga merusuh di Depot Tahanan Imigresen Pekan Nanas, Pontian, dengan memecahkan dinding blok bangunan hanya kerana mereka lewat dihantar pulang.

Awal bulan lalu, kira-kira 2,000 orang termasuk 1,560 warga Indonesia yang ditahan di depot berkenaan merusuh sekali lagi. Kali ini, mereka bertindak lebih ganas dengan membakar empat blok bangunan. Dalam kejadian itu, kira-kira 100 tahanan cedera.

Berikutan insiden berkenaan, Menteri Sumber Manusia dan Transmigrasi Indoensia, Jacob Nuwa Wea, dilaporkan meminta maaf kepada Malaysia.

Meskipun insiden terbaru di Nilai tidak menyebabkan kehilangan nyawa,

melainkan kerosakan beberapa kenderaan polis dan awam, tetapi budaya merusuh dan melanggar undang-undang oleh penduduk negara jiran itu, seolah-olah mencabar kesabaran rakyat kita.

Tindakan segelintir pekerja yang merusuh sambil mengibar bendera Indonesia boleh mengeruhkan lagi keadaan, malah jika tidak ditangani secara cermat ia boleh menjejaskan hubungan dua negara. Ini diakui oleh Pengarah Lembaga Pengkajian Masalah Sosial Pekerja Indonesia, Hairuddin Harahap.

"Kami tidak setuju dengan tindakan mengibarkan bendera merah putih kerana ia seolah-olah mahu melaga-lagakan dua negara. Jangan buat macam itu ...ia tidak baik dari segi hubungan dua negara," kata Hairuddin.

Hairuddin yang kecewa dengan kejadian berkenaan berkata, tindakan itu tidak menggambarkan keseluruhan pekerja Indonesia di Malaysia. Sebaliknya sebahagian besar daripada rakyat Indonesia menghormati undang-undang negara ini.

"Kita bersyukur kepada Kerajaan Malaysia kerana memberi kebenaran untuk mencari rezeki. Jadi, jangan salah anggap terhadap semua pekerja Indonesia," katanya.

Kedutaan Besar Indonesia di ibu negara turut kecewa dengan perlakuan segelintir rakyatnya yang mencetuskan rusuhan kerana membantah penahanan rakan mereka yang ditahan polis.

Sambil menyifatkan insiden itu sebagai kes terasing, Ketua Penerangannya, Budhi Rahardjo, menyerahkan kepada pihak berkuasa Malaysia untuk mengambil tindakan mengikut undang-undang ke atas mereka yang terbabit dalam rusuhan itu.

"Mereka yang salah perlu menerima hukumannya mengikut undang-undang Malaysia. Kita tidak campur tangan dalam siasatan kes ini," katanya yang turut berterima kasih kepada pihak berkuasa kerana berjaya menangani kes itu dengan bijak.

Walau apapun, kejadian terbaru itu perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan, terutama Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing terhadap dasar pengambilan pekerja asing. Kita tidak mahu insiden itu berulang sebagaimana berlaku di depot tahanan, lebih membimbangkan lagi jika tindakan itu menjadi ikutan pekerja tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata satu undang-undang akan digubal bagi membolehkan kerajaan bertindak keras dan tegas ke atas pekerja asing yang melanggar undang-undang negara ini.

Dengan jumlah 800,000 pekerja asing yang berdaftar ketika ini (dan mungkin hampir dua juta lagi yang tiada permit), sudah sampai masanya kerajaan menilai semula dasar pengambilan pekerja asing dari negara sumber seperti Indonesia, Thailand, Myanmar, Bangladesh, Kemboja.

Memang tidak dinafikan ketika ini pekerja asing diperlukan bagi mengisi kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan, perkilangan, pembuatan, perkhidmatan dan pembantu rumah tetapi pergantungan kita terhadap golongan itu perlu dikaji dan diambil kira.

Kerajaan juga perlu mengambil kira kesan buruk kerana kemasukan pekerja asing. Kita harus ingat, kemasukan pekerja secara sah akan diikuti penyusupan pendatang tanpa izin. Ketika ini, warga Indonesia adalah pendatang tanpa izin paling ramai di Malaysia.

Kemasukan pendatang tanpa izin tidak berakhir di situ saja, sebaliknya ia memberi kesan langsung kepada kewujudan sindiket pemalsuan dokumen kerajaan seperti kad pengenalan, passport dan pas lawatan kerja sementara. Bagi golongan itu, mereka terpaksa mendapatkan dokumen itu bagi melepasi saringan pihak berkuasa, sekali gus menjejaskan keselamatan negara.

Rakyat asing sama ada yang memasuki secara sah atau tidak, turut menyumbang kepada peningkatan kes jenayah di Malaysia. Rompakan dan bunuh yang dilakukan warga asing turut meningkat sehingga memaksa polis

melancarkan Ops Tupai bagi memburu penjenayah asing.

Selain itu, kemasukan pekerja asing juga menyebabkan wujud pelbagai penyakit berjangkit di kalangan penduduk tempatan. Walaupun mereka perlu menjalani ujian kesihatan di negara asal, tetapi apakah jaminan hanya pekerja yang betul-betul bebas penyakit lulus ujian berkenaan. Malah, ada maklumat mengatakan borang ujian itu diisi sendiri oleh agensi yang membawa masuk mereka!

Kewujudan penempatan haram sama ada di tanah kerajaan atau milik persendirian oleh pekerja asing sudah tidak asing lagi terutama di Selangor. Dengan campur tangan orang politik, penempatan berkenaan tidak boleh diusik, malah berkembang menjadi perkampungan.

Pengaliran keluar wang melalui penghantaran balik gaji, sudah tidak boleh dielakkan lagi oleh pekerja asing. Setiap tahun lebih RM500 juta dihantar pulang ke negara masing-masing.

Melihat kepada isu-isu dan masalah daripada pengambilan pekerja asing, sudah sampai masanya kerajaan mengkaji semula dasar itu. Pengambilan pekerja asing mungkin perlu diteruskan kerana kita tiada pilihan, tetapi langkah memperketat prosedur sedia ada perlu dilakukan.

Bak kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "Warga Indonesia akan menjadi pilihan terakhir bagi mengisi kekosongan tenaga kerja jika mereka terus membuat kacau di negara ini."

(END)